

# Tanah Air Kita

## Kisah Sultan Singapura

“Sungguhnya pelajaran sejarah adalah sebagai sebuah teropong yang dapat melihat ke dalam beberapa zaman yang silam, dan sejarah juga dapat memberi bayangan bagaimana keadaan sesuatu hal pada masa yang akan datang.”- kata Tuan Mahmud bin Ahmad dalam bukunya “*Teras Kebudayaan Nasional*”, yang baharu siap, dicetak dan diterbitkan oleh Qalam.

Sejarah Sultan Singapura dan kemajuan pulau kita yang menjadi salah sebuah bandar pelabuhan dunia yang masyhur telah ditulis oleh beliau seperti berikut - Pengarang Qalam.

Kalau kita bertanya kepada seorang biasa bagaimanakah keadaan Singapura hari ini? Maka dengan tak berfikir panjang lagi ia akan menjawab, bahawa Singapura adalah sebuah bandar yang sangat sibuk dengan kereta, berpuluh-puluh kali ganda banyaknya daripada sebelum perang dahulu. Daerah bandar Singapura makin hari semakin meluas dan penuh dengan bangunan-bangunan moden. Manusia tak terkirakan lagi ramainya, di mana-mana penuh sesak, sehingga rumah tak cukup untuk tempat tinggal mereka itu. Tempat-tempat yang dahulu paya dan menjadi sarang nyamuk sekarang telah menjadi tanah rata, menjadi padang yang cantik atau taman bunga yang indah, bahkan menjadi padang kapal terbang, dan setiap masa kapal terbang itu kita lihat terbang melayang dan melancar di atasnya, iaitu laksana burung layang-layang pada waktu senja layaknya. Sepanjang-panjang pelabuhan dari timur ke barat, penuh kapal-kapal berlabuh memunggah dan mengisi muatan tidak berhenti-hentinya siang dan malam.

Pendeknya pada mata orang biasa, bahkan pada mata kanak-kanak sekalipun kesibukan bandar Singapura amat terang.

Kalau kita bertanya kepada orang-orang tua tentang keadaan Singapura, biasanya dia akan menceritakan dengan lurus

sebanyak yang ditempuh oleh umurnya. Ia menceritakan kemakmurannya kira-kira setengah kurun dahulu, zaman Queen Victoria, katanya pada masa itu goreng pisang empat keping satu sen, tambang sampan menyeberang sungai Singapura hanya seduit, tebing Raffles Hotel sekarang ini laut, daerah Geylang Serai sekarang belum ada orang tinggal, orang Kampung Bedok hendak ke Kampung Jawa naik kolek, sebab takut hendak berjalan kaki kerana belum ada jalan dan semak. Orang-orang yang bekerja menjadi saiz kereta kuda gajinya \$ 5.00 sebulan, tetapi biasanya ramai di antara saiz-saiz itu yang dapat pergi haji daripada wang gajinya itu. Tanah daerah Kampung Jawa dan tepi laut sampai Victoria Street semuanya orang Melayu yang punya. Waktu pertukaran pemerintahan di antara Kompeni Inggeris dengan kerajaan Inggeris, maka tanah-tanah itu dikehendaki membuat geran baharu. Hal ini dipandang menyusahkan oleh tuan-tuan tanah itu lalu mereka pun tak peduli dan setengahnya lari ke tempat lain, umpamanya ke Tanjung Geylang dan lain-lain.

Cerita-cerita orang tua itu banyak yang agak jenaka bila mereka menggambarkan tentang pakaian, fikiran, kemewahan dan lain-lain. Tetapi banyak pula yang menyedihkan,

bahkan menangis dalam hati kerana ternyata benar, bahawa kebanyakan mereka itu terlampau singkat pandangannya, sepuluh tahun ke hadapan pun tak terfikir olehnya. Tetapi orang lain tidak demikian halnya, setiap saat perubahan Singapura menjadi perhatian mereka. Bukan baharu semalam mereka tahu Singapura akan menjadi “city” tetapi telah lama terfikir oleh mereka mengikut bayangan yang telah dilalui sejarah.

### **Cita-cita Tuan Raffles**

Sesungguhnya pelajaran sejarah adalah sebagai sebuah teropong yang dapat melihat ke dalam beberapa zaman yang silam, dan sejarah juga dapat memberi bayangan bagaimana keadaan sesuatu hal pada masa yang akan datang.

Dengan mempelajari sejarah purba Asia Timur itulah yang mendorong cita-cita Tuan Raffles bertapak di Singapura dan mempertahankan walau bagaimana mendapat ancaman dari pihak lawan dan kawan.

“Apa keadaan Malta di sebelah barat, begitulah kiranya akan menjadi Singapura di sebelah timur.” Demikianlah Tuan Raffles membayangkan harapan hatinya. Hal itu telah lama terbukti kebenarannya dan sebagai suatu kenyataan besar, bahawa mimpi Tuan Raffles itu telah wujud, maka pada 22 haribulan September 1951 dengan rasminya Singapura telah menjadi “*City of Singapore*”, yang boleh disebutkan dalam bahasa Melayunya “Bandaraya Singapura.”

Pada hari itu Yang Terutama Tuan Gabenor Sir Franklin James telah menyampaikan Piagam Diraja bagi *City of Singapore*. Istiadat itu telah dilangsungkan Pada pukul 8.00 pagi, 22 September 1951, bertempat di hadapan bangunan Pejabat Municipal.

### **Singapura Dalam Sejarah Tua**

Untuk mengetahui keadaan Singapura semenjak zaman purba hingga hari ini marilah kita meninjau

sejarah Singapura secara sambil lalu:

Dalam sejarah tua Asia Timur nama Singapura atau Temasik selalu tersebut - Orang Cina menyebutkannya, orang India, orang Arab dan orang Eropah juga ada mencatatkan hal Singapura dalam kitab-kitab sejarah pelayaran mereka. Dengan itu teranglah bahawa pulau Singapura sungguhpun kecil, tetapi menjadi perhatian seluruh dunia kerana letaknya amat penting bagi memperhubungkan antara barat dan timur dalam urusan perniagaan.

Pada zaman purba, Singapura menjadi jajahan Srivijaya. Ia menjadi sebuah bandar pelabuhan yang terpenting menghubungkan perniagaan Srivijaya dengan China, India dan lain-lain.

Dalam *Sejarah Melayu* ada cerita Raja Suran sampai ke Temasik. Kerana tak jadi menyerang negeri China, ia masuk ke dalam laut dan sampai ke bumi *Rika*<sup>1</sup>. (cerita ini semata-mata cerita sahaja). Bila ia keluar dari dalam laut dibuatnya sebuah batu bersurat dan akhirnya ia balik semula ke India.

Beberapa lama kemudian Sang Nila Utama yang datang dari Palembang membuka Temasik dan diberinya nama baharu “Singapura” kerana mengambil sempena daripada binatang singa yang dilihatnya sekali lintas di pulau itu.

Kira-kira tahun 1377 angkatan laut Majapahit mengalahkan Srivijaya dan Singapura. Semenjak itu Singapura pun terbiar sahaja. Kerajaan Majapahit yang mengalahkannya itu tidak dapat membangunkannya semula, sebab kerajaan Majapahit sendiri telah mulai lemah dan setengah kurun kemudian telah roboh terus.

Dalam *Sejarah Alam Melayu Penggal 4* di antara lain-lain ada menyebutkan:-

“Sesungguhnya dari awal kurun Masihi yang keenam belas sampai kepada akhir kurun Masihi yang ke delapan belas tiadalah didapati apa-apa cerita yang menyatakan perubahan

---

<sup>1</sup> Dika

besar yang berlaku di Singapura itu, sekadarkan suatu tempat yang lengang sahaja; tetapi kadang-kadang ada juga kapal-kapal singgah di situ.

“Kemudian pada zaman Sultan Mahmud Shah yang ketiga memerintah Johor, Riau, Singapura, Pahang dan Lingga (tahun Masihi 1784-1812) negeri-negeri itu masih bersatu dan di bawah hukum baginda, yang pada masa itu bersemayam di Riau, dan pada zaman baginda itulah, iaitu tahun Masihi 1811 seorang Temenggung Johor (Temenggung Abdul Rahman) membuat tempat kediamannya di Singapura, dan ramailah pengiring-pengiringnya orang Melayu Johor yang pergi bersama-sama ke Singapura.

“Pada masa orang Inggeris mula-mula sampai ke Singapura didapati orang-orang Melayu di situ adalah kira seramai 150 orang. Mereka itu ialah orang Temenggung, rumah mereka pondok-pondok kecil sahaja, dan rumah Temenggunglah yang besar daripada sekaliannya, orang-orang Laut itu tidaklah berapa ramainya”.

Pada 29 Januari, 1819 Tuan Raffles datang ke Singapura dan berjumpa dengan Temenggung Abdul Rahman. Lepas mengadakan rundingan, pada keesokan harinya dibuatlah suatu perjanjian dengan Temenggung itu di antara isinya membenarkan Kompeni Inggeris membuka gudang perniagaannya di Singapura, Kompeni Inggeris membayar 3,000 riyal setahun kepada Temenggung kerana membangunkan gudang-gudang perniagaan itu. Surat perjanjian itu bertarikh 4 hari bulan Rabi‘ al-Akhīr, 1232.

#### **Sultan Singapura**

Pada 6 hari bulan Februari, 1819 Tengku Long yang sengaja dipanggil dari Riau dilantik menjadi Sultan Singapura dan jajahan takluknya, dengan gelaran Sultan Hussain Shah. Kemudian dibuatlah perjanjian lain antara Tuan Raffles bagi pihak Kompeni Inggeris dengan Sultan dan Temenggung. Perjanjian itu mengandungi 6 fasal dan di antara isinya ialah membenarkan Kompeni

Inggeris membuka gudang-gudang perniagaan di Singapura, menempatkan askar-askarnya, menjaga kepentingan-kepentingan Sultan dan Temenggung dengan membayar tiap-tiap tahun \$ 5,000.00 kepada Sultan dan \$ 3,000.00 kepada Temenggung.

Dengan tadbir Tuan Raffles yang sangat bijak dan jauh pandangannya ke hadapan, dalam masa setahun sahaja Singapura telah ada kira-kira 1,200 orang, terutama orang Cina, hasilnya semakin banyak, sehingga dalam tahun 1820 hasil cukai yang didapati mencukupi semua belanja Singapura.

Sebelum Tuan Raffles berhenti daripada jawatannya, ia telah membuat perjanjian baharu dengan Sultan dan Temenggung (7, Jun 1823). Semenjak itu Kompeni Inggeris telah menambah gaji Sultan dan Temenggung masing-masing \$1,500 dan \$800 sebulan, iaitu selama umur mereka sahaja. Kerana mendapat tambahan gaji

Sudah terbit!

Senaskhah 50 sen

Hukum mengenai

#### **Haid, nifas dan istihādah**

Disusun oleh Umm Muhsin

Suatu buku yang terang dan jelas mengenai haid, nifas dan istihādah yang berdasarkan kepada fahaman al-Imam Shafi‘ī dan dengan pengertian empat mazhab. Disemak oleh Şāhib al-Faḍīlah Sayyid Abdullah bi'l-faqīh, seorang ahli fiqah yang terkenal di Singapura.

Mustahak disimpan oleh tiap-tiap rumah dan tiap-tiap wanita. Mengandungi 80 muka potongan kecil daripada Serial Wanita 3.

Pesan dari sekarang!

**Qalam**

**356/8, Geylang Road, Singapore 14.**

itu Sultan tidak boleh lagi mengambil apa-apa bahagian daripada cukai perniagaan anak negeri.

### **Sultan Hilang Kekuasaannya**

Dalam bulan Mei 1823 Tuan Mejar William Farquhar pun diberhentikan daripada jawatannya menjadi Residen di Singapura, digantikan oleh Tuan John Crawfurd. Pada zaman tuan inilah kekuasaan Singapura telah terserah terus kepada kompeni Inggeris mengikut perjanjian yang dibuat dengan Sultan dan Temenggung bertarikh 2 hari bulan Ogos 1824 - Perjanjian itu mengandungi 11 fasal dan di antara isinya ialah Sultan dan Temenggung menyerahkan kekuasaan dan hak-hak pulau Singapura serta pulau-pulau kecil dan selat-selat yang sejauh 10 batu dari Singapura kepada Kompeni Inggeris dan waris-warisnya. Kerana penyerahan itu Sultan mendapat \$33,200 (wang Sepanyol) dan Temenggung mendapat \$ 26,800 (wang Sepanyol). Sebagai gaji tiap-tiap bulan Sultan akan menerima \$ 1,300 dan Temenggung \$ 700, iaitu dibayar selama umur mereka sahaja. Akhirnya kerana perjanjian itu mereka telah menyesal seperti diceritakan dalam Hikayat Abdullah itu.

Tetapi walau bagaimanapun penyesalan itu, Singapura adalah berjalan terus kemajuannya dari setahun ke setahun. Perniagaan “pintu terbuka” ialah punca kemakmuran Singapura dan menyebabkan segala bangsa menyerbu datang ke dalamnya terutama orang Cina. Orang yang seramai 150 orang didapati oleh Tuan Raffles dalam tahun 1819 dahulu telah menjadi 425,912 orang dalam tahun 1921 (seratus tahun kemudian) dan sekarang menjadi 1,000,000 orang. Dengan ini Singapura mendapat gelaran “*City of Singapore*”.

### **Orang Melayu Singapura**

Dalam masa 130 tahun (1819-1951) keadaan

orang Melayu di Singapura adalah juga beransur-ansur maju, tetapi tidaklah dapat menyaingi kemajuan bangsa-bangsa lain yang datang ke Singapura kemudian daripada mereka itu. Dalam ekonomi mereka amatlah jauh ketinggalannya, demikian juga dalam hal pelajaran dan siasah.

Perasaan kebangsaan (*nasionalisme*) orang-orang Melayu di Singapura mula timbul dalam tahun 1926 dan dengan semangat itulah tumbuhnya sebuah kesatuan siasah orang-orang Melayu Singapura bernama “Kesatuan Melayu” pemimpin besarnya yang mula-mula ialah Encik Muhammad Yunus bin Abdullah. Banyak jasa Kesatuan Melayu ini dalam usaha mengembangkan “semangat kebangsaan” orang-orang Melayu Singapura khasnya dan orang-orang Melayu seluruh Malaya amnya. Sebagai pusaka peninggalan Encik Muhammad Yunus dan rakan-rakannya terhadap orang-orang Melayu Singapura ialah Kampung Melayu yang ada sekarang ini.

Semenjak lepas Perang Dunia yang kedua keadaan pemerintahan Singapura telah bertambah-tambah maju. Cara pilihan raya kerana menentukan wakil-wakil orang ramai dalam Majlis Mesyuarat Undangan dan Majlis Bandaran (*Municipal*) adalah menunjukkan cara-cara pemerintahan “demokrasi” sedang dijalankan dalam tanah jajahan Singapura ini.

Singapura telah berkali-kali mengalami kejatuhan semenjak zaman dahulu. Tetapi kejatuhan yang paling hebat ialah peristiwa 8 Disember, 1941 dan setelah itu Singapura menyerah kalah kepada tentera Jepun pada 15 Februari, 1942. Kemudian selama tiga setengah tahun (1942-1945) hilang namanya digantikan oleh nama Syonan dan hidup dalam penderitaan. Tetapi akhirnya timbul kembali dan dapat mengatasi segala peristiwa itu. Benarlah kata Confucius:

“Orang yang terpuji bukanlah orang yang tak pernah jatuh, tetapi orang yang telah jatuh dan dapat bangun kembali”.